



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 15/2010 (11 hingga 17 April 2010)

Sepanjang minggu ke-15, iaitu bagi tempoh antara 11 hingga 17 April 2010, sejumlah 914 kes demam denggi dengan 5 kematian telah dilaporkan di seluruh negara. Terdapat peningkatan sebanyak 28 kes (3%) berbanding dengan 886 kes pada minggu sebelumnya. Tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Johor (24 kes), Kelantan (17 kes), Sarawak (15 kes), Pulau Pinang ( 7 kes), Terengganu ( 3 kes), WP Kuala Lumpur-Putrajaya (3 kes) dan N.Sembilan (1 kes) dan seperti di lampiran A.

Jumlah terkumpul kes yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 14,780 kes dengan 52 kematian berbanding 16,684 kes dengan 40 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun kes menurun sebanyak 11%, tetapi bilangan kematian pada tahun ini meningkat sebanyak 33%.

Lima (5) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas iaitu 2 kematian dari WP Kuala Lumpur-Putrajaya, 2 dari Selangor dan satu dari Kelantan. Kes-kes kematian ini disebabkan oleh komplikasi Demam Denggi iaitu samada Demam Denggi Berdarah atau *Dengue Shock Syndrome*. Empat dari lima kematian ini berlaku samada dikawasan wabak atau dikawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu diantara 2.7% hingga 21.4% dan berisiko jangkitan denggi

untuk berlaku. Ini menunjukkan kesedaran masyarakat setempat masih rendah terhadap pentingnya menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes dan kebersihan di persekitaran mereka.

Terdapat 38 kawasan “hot spot” yang dikenalpasti pada minggu lepas dan 24 (63%) daripada kawasan ini masih mempunyai tempat pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pahang (Lampiran D). Hanya 7 (18%) dari kawasan “hot spot” sahaja yang telah mengadakan aktiviti gotong-royong.

Tren kes kematian denggi yang terus meningkat amat membimbangkan dan dipandang serius oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pemantauan oleh KKM bagi kes kematian yang dilaporkan sehingga kini menunjukkan hanya 29% atau 15 daripada 52 kematian ini didiagnosa sebagai Demam Denggi pada rawatan pertama mereka sebelum dimasukkan ke hospital. Ini menunjukkan masih banyak kes denggi lewat didiagnosa walaupun pesakit telah datang pada peringkat awal selepas mengalami demam. Jabatan Kesihatan Negeri dan daerah telah diminta memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan dengan segera:

- i. Mengadakan sesi *Continuous Medical Education* mengenai denggi untuk meningkatkan pengetahuan dan menjelaskan situasi semasa denggi kepada Pengamal Perubatan Primer terutama bagi sektor swasta supaya peka dalam membuat diagnosa dan merujuk pesakit dengan segera jika terdapat tanda-tanda amaran.
- ii. Meningkatkan peranan dan kerjasama pengamal perubatan primer bagi melaporkan kes denggi ke Pejabat Kesihatan yang berhampiran pada tempoh yang ditetapkan, supaya tindakan kawalan dapat diambil dengan segera.
- iii. Setiap hospital mempunyai Pasukan Rawatan Khas Denggi bagi pengurusan kes-kes denggi di hospital tersebut.

- iv. Memperkasakan penglibatan ketua masyarakat dan masyarakat dalam aktiviti mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes dan aktiviti gotong-royong terutama di lokaliti wabak dan hotspot.

Langkah-langkah pencegahan denggi bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan malah tanggungjawab bersama semua pihak iaitu masyarakat, pengamal perubatan, pihak pengurusan sekolah dan lain-lain agensi kerana jangkitan demam denggi boleh berlaku kepada semua lapisan masyarakat dan banyak menyebabkan kehilangan nyawa pesakit.

Bagi Penyakit Chikungunya, sejumlah 8 kes Chikungunya telah dilaporkan pada minggu lepas, menunjukkan penurunan sebanyak 53% berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 17 kes. Majoriti kes iaitu 6 kes dilaporkan dari Sarawak, manakala 2 kes dari Selangor.

Maklumat lanjut untuk garis panduan pengurusan kes demam denggi, maklumat terkini situasi semasa Demam Denggi dan Chikungunya serta alamat Pejabat Kesihatan diseluruh Malaysia, boleh didapati di laman web [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my).

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

18 April 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2010  
(11 hingga 17 April 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2009
		Minggu 15 (11 – 17 April 2010)	Minggu 14 (4 – 10 April 2010)		
1	Perlis	1	5	38	53
2	Kedah	21	24 (1)	176 (2)	346
3	P. Pinang	21	14	347 (2)	885
4	Perak	29	49 (1)	506 (1)	1405
5	Selangor	459 (2)	460	6999 (27)	8928 (27)
6	WPKL & Putrajaya	109 (2)	106	1639 (4)	1447 (5)
7	N. Sembilan	25	24	640 (1)	314 (4)
8	Melaka	11	12	2 212	192
9	Johor	79	55	891 (3)	901 (2)
10	Pahang	17	24	387 (1)	326 (1)
11	Terengganu	18	15	303	397
12	Kelantan	38 (1)	21	336 (2)	496
13	Sarawak	66	51	1755 (6)	617
14	Sabah	19	26	616 (1)	340 (1)
15	WP Labuan	1	0	8	17
	<b>Jumlah</b>	<b>914 (5)</b>	<b>886 (2)</b>	<b>14,780 (52)</b>	<b>16,684 (40)</b>

Nota: ( ) Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2010  
(11 hingga 17 April 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-15 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 15 Tahun 2009
		Minggu 15 (11 – 17 April 2010)	Minggu 14 (4 – 10 April 2010)		
1	Perlis	0	0	0	16
2	Kedah	0	0	0	34
3	P. Pinang	0	0	2	60
4	Perak	0	0	3	259
5	Selangor	2	2	16	284
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	67
7	N. Sembilan	0	0	0	28
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	118
10	Pahang	0	0	1	57
11	Terengganu	0	0	1	36
12	Kelantan	0	0	2	283
13	Sarawak	6	15	492	74
14	Sabah	0	0	8	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>8</b>	<b>17</b>	<b>533</b>	<b>1,316</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 17 APRIL 2010 (Mg 15)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	34	100
2	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	28	94
3	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	38	90
4	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	23	79
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	15	74
6	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	26	72
7	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	29	62
8	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	16	54
9	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	23	51
10	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	34	45
11	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 2 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	12	43
12	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	14	41
13	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	19	37
14	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	6	36
15	SELANGOR	MPAJ	Taman Kosas (Zon C)	12	34
16	SELANGOR	MPSJ	Taman Pinggiran USJ 2	6	33
17	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	13	32
18	SELANGOR	MBPJ	Apartment Permai PJU 10	11	32
19	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	6	31
20	SELANGOR	Hulu Selangor	Kuarters Rumah Kedai, Jalan Seri Pagi, Sg Choh	5	30
21	SELANGOR	MBSA	Apartment Alora Seksyen 25	6	30
22	WPKL	Cheras	PPR Taman Mulia	29	103
23	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	23	97

24	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	13	48
----	------	--------	---------------------------	----	----

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
25	WPKL	Cheras	Flat Sri Johor A (Blok 1-35)	4	31
26	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	23	87
27	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Cempaka Penguin	16	47
28	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri selangor	77	81
29	WPKL	Pusat Bandar	Kg Baru (Jalan Hamzah, Jalan Hj Yahya Syeikh Ahmad)	10	52
30	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri Sarawak	11	41
31	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	15	59
32	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Jalil Damai Apartment)	12	44
33	WPKL	Kepong	Pangsapuri Sri Batu	7	33
34	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	47	119
35	JOHOR	MPPG	Flat SEDC, Pelentong	13	31
36	JOHOR	MBJB	Flat Larkin, Bandaraya	11	61
37	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 6	10	38
38	PAHANG	Kuantan	Kuarters PGA Bukit Galing	5	31

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-14**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	80.0	80
2	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	32.4	35
3	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	26.0	26
4	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri selangor	21.0	21
5	WPKL	Kepong	Pangsapuri Sri Batu	15.0	15
6	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	14.3	2
7	WPKL	Cheras	PPR Taman Mulia	10	10
8	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	6.4	100
9	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	5.0	5
10	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	4.2	4
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	3.8	4
12	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	3.6	25
13	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	3.4	69
14	WPKL	Cheras	Flat Sri Johor A (Blok 1-35)	3.4	3
15	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	3.0	3
16	SELANGOR	Hulu Selangor	Kuarters Rumah Kedai, Jalan Seri Pagi, Sg Choh	2.9	20
17	SELANGOR	MBSA	Apartment Alora Seksyen 25	2.5	3
18	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 6	2.4	4
19	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	2.2	2
20	PAHANG	Kuantan	Kuarters PGA Bukit Galing	2.0	7
21	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Cempaka Penguin	2.0	2
22	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	1.9	2
23	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	1.7	2



24	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	1.4	1
----	----------	------	--------------------	-----	---